

ETIKA KERJA KE ARAH KECERMERLANGAN

Oleh :
Azimah Binti Aziz
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka

PENGENALAN

Telah terdapat pelbagai pengertian kepada perkataan etika yang telah diberikan oleh pelbagai pihak dari semasa ke semasa. Istilah etika berasal dari perkataan Greek '*ethos*', yang bermaksud khusus kepada '*character*', ataupun perwatakan dan keperibadian.

Gluck (1986 : 176) pula mendefinisikan etika sebagai, " kajian filosofikal terhadap moraliti". Shea (1988 : 17) pula menyatakan bahawa etika adalah "prinsip-prinsip bertingklaku yang mengawal individu atau profesyen" dan sebagai "satu standard tingklaku".

Manakala istilah etika di kalangan pekerja pula merujuk kepada isu-isu '*standard moral*' yang melibatkan individu yang boleh membantu meningkatkan integriti profesyen mereka.

Sehubungan itu, secara ringkasnya etika kerja dapat disimpulkan sebagai panduan tingklaku yang diikuti oleh manusia yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan, khususnya di kalangan yang meminggirkan agama di dalam kehidupan mereka. Tidak mengira negara, bangsa dan agama telah menekankan norma moral yang berlandaskan ketinggian akhlak mereka yang mengamalkannya.

Hubungan etika kerja professional dengan kehidupan manusia digunakan untuk mengawal tingklaku ahli professional dalam bentuk menyuruh melakukannya dan meninggalkan perkara yang mendatangkan kesalahan samaada di sisi undang-undang negara mahupun statusnya sebagai professional. Oleh itu, etika kerja professional merupakan satu landasan kepada masyarakat yang membolehkan individu atau penjawat awam mengawal tingklakunya sendiri serta membolehkan masyarakat sosial mengawasi dan menilai setiap tindak tanduk mereka dari semasa ke semasa.

Etika seharusnya dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan seharian kita. - dalam apa jua tindak tanduk. Keberkesanan prinsip etika terletak pada individu itu sendiri. Tanpa disiplin diri dan kekuatan mental yang tinggi seseorang itu tidak dapat mencapai tahap etika yang dikehendaki.

FUNGSI KOD ETIKA PROFESSIONAL

Kod etika professional adalah salah satu 'alat kawalan' sosial yang digunakan sebagai salah satu panduan dalam mendisiplinkan diri kearah yang lebih beretika. Kod etika ini berfungsi sebagai :

a. Inspirasi dan panduan

Kod etika professional telah mengelaskan pelbagai tingklaku yang patut diamalkan dalam sesebuah organisasi atau jabatan tersebut. Kod ini juga boleh dianggap sebagai landasan dalam menjalankan pelbagai kerja dengan lebih teratur dan lebih baik. Ia sepatutnya boleh memandu dan mengingatkan ahli-ahli professional mengenai keputusan yang perlu diambil dan tingklaku yang sepatutnya apabila berada di dalam sesuatu keadaan.

b. Pencegahan Dan Disiplin

Kod-kod etika ini juga digunakan khususnya oleh badan-badan professional sebagai asas untuk menyiasat sebarang penyelewengan ahli-ahlinya apabila terdapat sebarang aduan diterima.

c. Memelihara Maruah Profesyen

Kod-kod etika memberi satu gambaran kepada semua pihak tentang imej positif setiap profesyen kerana setiap ahli terikat dengan satu standard etika yang tinggi. Ia merupakan satu panduan kepada professional untuk membina, meningkat dan mempertahankan integriti, kejujuran dan maruah profesyen masing-masing.

Secara umumnya, ia menjelaskan bahawa setiap ahlinya perlu menggunakan segala ilmu pengetahuan yang dimilikinya untuk meningkatkan kesejahteraan manusia seluruhnya, jujur kepada diri sendiri, majikan, masyarakat dan pelanggannya serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan untuk terus memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang dari semasa ke semasa.

d. Memelihara Keharmonian

Kod etika menggariskan *standard* tingklaku yang harus dipatuhi dan diamalkan sepenuhnya supaya kepentingan semua pihak terpelihara. Ini dapat mengelakkan daripada berlakunya pertembungan di antara kepentingan diri dan kepentingan umum. Ini akhirnya menyebabkan pelbagai konflik dan rasa tidak puas hati di kalangan pihak yang berkaitan. Setiap ahli professional dalam bidang masing-masing perlu mengiktiraf kehidupan, keselamatan, kesihatan dan kebajikan setiap anggota masyarakatnya.

e. Sokongan

Jika seseorang penjawat awam didakwa atau diragui oleh pihak lain tentang apa yang dilakukan, maka dia boleh menggunakan kod etika untuk menyokong tindakannya dalam memberi sokongan akan apa yang telah dilakukan

Semua etika professional yang diguna pakai diseluruh dunia dalam bidang-bidang seperti perubatan, guaman, perniagaan, perakuanan dan kejuruteraan mempunyai asas-asas etika yang sama. Ini kerana tujuan etika dibentuk adalah digunakan untuk diri dan masyarakat amnya.

TERAS ETIKA KERJA PROFESSIONAL

Melalui bacaan dan juga apa yang kerap dibincangkan, ciri-ciri yang dinyatakan berikut dianggap sebagai teras "**Etika Kerja Professional**".

- a. Cemerlang
- b. Sikap Berinisiatif
- c. Niat
- d. Bertanggungjawab Terhadap Masyarakat
- e. Amanah Dalam Kerja
- f. Komited Terhadap Kerjaya.
- g. Akhlak
- h. Pengurusan Masa

KESIMPULAN

Etika kerja diwujudkan adalah untuk mengawal tingkahlaku para professional, pekerja atau penjawat awam supaya mereka dapat menggunakan segala pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang ada untuk kebaikan semua pihak. Untuk mencapai tujuan ini tidaklah dinafikan bahawa etika kerja professional memainkan peranan yang amat penting untuk menjadikan masyarakat yang beretika dan berjaya.

Namun demikian, mekanisme untuk mengawal tingkahlaku manusia perlu melangkaui etika professional. Ini kerana terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi dan menentukan tingkahlaku seseorang individu dan keputusan yang dibuatnya. Oleh itu, faktor-faktor lain seperti keperluan kehidupan, nilai-nilai hidup, penguatkuasaan undang-undang, pendidikan agama, budaya kerja dan lain-lain perlu diambil kira supaya mewujudkan satu persekitaran kehidupan yang sentiasa mendorong seseorang individu melakukan sesuatu yang hanya mendatangkan faedah dan kebaikan semua pihak.

Etika kerja professional bukanlah merupakan jalan penyelesaian masalah yang kompleks, tetapi ianya tetap penting dan mempunyai peranannya yang tersendiri untuk mengawal tingkahlaku para professional. Etika kerja professional telah menentukan asas-asas hubungan di antara para professional dengan masyarakat, majikan, pelanggan dan rakan sekerja.

RUJUKAN:

Malaysia Kita, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1991.
Nilai Dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1991.
Kecemerlangan Pentadbiran (Dasar Dan Amalan Dalam Islam), Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1991.
Laporan Seminar Etika Pengurusan, 13 Mac 1990, Institut Latihan Pengurusan Petronas, Bangi, Selangor.
Laporan Seminar Etika Profesion Pensyarah Dan Amalan Harian, 13 April 1987, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.